

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TA-
HUNAN BANK KERJASAMA RAKYAT MALAY-
SIA (BANK RAKYAT) YANG KESEMBILAN
BELAS DI DEWAN TUNKU CANSELOR,
UNIVERSITI MALAYA PADA 6HB SEPTEMBER,
1975**

Y.A.B. Datuk Haji Harun bin Idris, Pengerusi Jemaah Pengarah Bank Rakyat, Ahli-ahli Jemaah Pengarah dan Badan Pengurus, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.A.B. Datuk Haji Harun sebagai Pengerusi, Jemaah Pengarah Bank Rakyat, kerana telah sudi menjemput saya hadir di majlis ini dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Bank ini yang Kesembilan Belas pada pagi ini.

Suatu masa dahulu, bila kita bercakap tentang Bank, sangkaan kita yang pertama ialah bahawa pemegang-pemegang saham atau pemilik-pemilikinya adalah terdiri dari orang-orang yang berada dan golongan hartawan sahaja. Bila bank itu mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya, mereka akan hadir lengkap dengan kot dan tali leher serta menaiki kereta-kereta besar dan berpemandu pula.

Akan tetapi, pada hari ini, apa yang menarik perhatian saya dan membanggakan ialah saudara-saudara yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Bank ini datang dari seluruh pelusuk tanahair dan sebahagian besarnya dari kawasan luar bandar. Saudara-saudara tidak perlu memakai kot dan tali leher dan berkereta besar. Imej ini tidak sedikit pun menjejaskan Bank Rakyat ini yang tetap teguh dan kuat serta terkenal di seluruh negara.

Bagi saya sebagai seorang ahli politik yang telah lama berkecimpung dalam pentadbiran negara semenjak kemerdekaan, hal ini sungguh menggalakkan kerana ia membuktikan bahawa di negara kita ini rakyat dari semua lapisan sentiasa mempunyai peluang untuk menyertai dalam pembangunan ekonomi negara dan mendapat faedah daripadanya asalkan mereka sanggup berusaha.

Saudara-saudara sekalian,

Saya berasa sukacita Bank Rakyat ini semenjak ditubuhkan dalam tahun 1954 dahulu, telah mencapai kemajuan yang pesat dan membanggakan. Sebagai sebuah bank yang ditubuhkan atas prinsip-prinsip koperasi, Bank ini telah banyak memberi khidmat dan baktinya kepada masyarakat terutamanya kepada rakyat biasa yang menjadi ahli-ahlinya seperti petani, peladang, nelayan, pekerja, peniaga dan lain-lainnya.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Harun tadi, kemajuan yang dicapai oleh Bank ini baik dari segi keanggotaan, jumlah saham, harta dan juga keuntungan yang diperolehi oleh Bank ini sangatlah menggalakkan.

Tidak syak lagi, di bawah pimpinan Jemaah Pengarah yang pada masa ini, Bank Rakyat telah menjadi satu pertubuhan swasta atau conglomerate yang besar yang telah mengambil bahagian cergas dalam pembangunan ekonomi negara iaitu dalam bidang-bidang pertanian, perdagangan, perindustrian dan juga kewangan.

Saya nampak Bank ini sekarang lebih menumpukan kegiatannya di bidang perindustrian dan kewangan. Walaupun kegiatan-kegiatan di bidang-bidang ini memberi keuntungan yang lumayan tetapi bagi Bank Rakyat ini yang khusus mendapat modal daripada rakyat biasa dan koperasi-koperasi kecil di seluruh negara, hendaklah memberi tumpuan yang lebih di bidang pertanian dan perikanan kerana sebagaimana kita tahu sangat kurang bank-bank tempatan yang memberi perhatian kepada kedua bidang ini. Bidang perikanan umpamanya sangatlah ketinggalan dan Bank Rakyat serta Bank Pertanian patutlah lebih menumpukan kegiatannya bagi memajukan bidang perikanan ini.

Saya menekankan pentingnya pembangunan luar bandar khususnya pembangunan di bidang pertanian ialah kerana memang menjadi matlamat Rancangan Malaysia Ketiga untuk memberi tekanan atau emphasis kepada langkah-langkah pembahagian kekayaan negara secara lebih adil dan lebih menyeluruh kepada rakyat terutama di kawasan luar bandar sesuai dengan hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Rancangan Malaysia Ketiga ini yang hampir siap disusun diharapkan akan dapat dibentangkan untuk perbincangan dalam sidang Parlimen pada bulan November ini.

Saudara-saudara sekalian,

Saya mengucapkan tahniah kepada Jemaah Pengarah dan Badan Pengurus Bank ini kerana telah dapat menjalankan aktiviti-aktiviti ini dengan jayanya dan berharap Jemaah Pengarah Bank ini akan terus menjalankan khidmatnya dengan jujur dan penuh perasaan tanggungjawab supaya Bank ini yang ditubuhkan atas prinsip-prinsip koperasi akan dapat menolong ahli-ahlinya yang berpuluh-puluh ribu jumlahnya, yang terdiri daripada semua golongan masyarakat di negara ini khasnya petani, peladang, nelayan, penduduk luar bandar, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain untuk membaiki kehidupan mereka. Saya juga berharap Jemaah Pengarah akan sentiasa menentukan supaya semua pelaburan yang dibuat akan diawasi dengan sempurna supaya mendatangkan keuntungan yang diharapkan oleh ahli-ahli.

Saya suka juga mengingatkan Jemaah Pengarah pelaburan-pelaburan yang telah dan akan dibuat kelak hendaklah dikaji dengan teliti supaya modal-modal saham dan wang-wang per-taruhan yang telah dibuat oleh ahli-ahli biasa, iaitu wang-wang yang telah disimpan dengan bersusah payah oleh mereka, akan benar-benar memberi keuntungan kepada mereka. Saya berharap rancangan-rancangan pelaburan itu dibuat dengan sedemikian rupa supaya pelaburan-pelaburan itu tidak mendatangkan apa-apa ke-sukaran kepada Bank ini dalam perjalanannya pada masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan pendirian Kerajaan untuk memberikan segala sokongan dan kemudahan kepada Gerakan Koperasi di negara ini supaya menjadi lebih maju dan sempurna perjalanannya di masa hadapan.

Sebagaimana yang pernah saya nyatakan dahulu iaitu sesebuah koperasi yang hendak maju itu hendaklah mempunyai tiga aspek penting iaitu pertamanya koperasi itu hendaklah mempunyai ahli

yang ramai; keduanya, koperasi itu mempunyai modal yang agak besar; dan ketiganya, koperasi itu hendaklah mempunyai Badan Pengurus yang cekap, beramanah dan terlatih.

Dari segi ini, Bank Rakyat adalah mempunyai ketiga-tiga aspek ini dan oleh sebab itulah maka ia telah dapat maju sebagaimana yang terdapat pada hari ini yang kita semua boleh banggakan.

Saya telah diberitahu Jabatan Pembangunan Koperasi, Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga Lembaga Perusahaan Perikanan atau Majuikan sedang berusaha untuk menggabung atau mencantumkan koperasi-koperasi kecil di seluruh negara supaya menjadi beberapa koperasi besar dengan tujuan hendak mencapai kejayaan yang lebih pesat lagi bagi ahli-ahlinya.

Lembaga Pertubuhan Peladang telah membahagikan Semenanjung Malaysia ini kepada dua ratus sepuluh kawasan di mana semua Koperasi Peladang akan bercantum di dalamnya dan akan menjadi dua ratus sepuluh buah Koperasi Peladang sahaja. Jabatan Pembangunan Koperasi juga sedang berusaha menerangkan faedah-faedah percantuman ini kepada para koperasi sekalian supaya koperasi kecil di peringkat daerah dan kampung akan bercantum menjadi Koperasi Perdagangan dan Perindustrian Daerah yang akan berjumlah lebih kurang lapan puluh dua buah sahaja. Begitu juga Majuikan telah mengesyorkan supaya sebuah Koperasi Nasional Nelayan untuk mencantum dan menggabung semua koperasi nelayan ke dalam satu pertubuhan besar.

Pada hemat saya inilah satu daripada cara-cara yang hams dibuat oleh Gerakan Koperasi di negara kita iaitu dengan mencantum atau menggabungkan diri mereka ke dalam koperasi yang lebih besar supaya dengan modal sahamnya yang besar akan membolehkan koperasi-koperasi itu mengadakan Badan-badan Pengurus yang cekap dan berpengalaman untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian dalam dunia perusahaan yang serba maju dan penuh saingan ini.

Saya percaya dengan adanya koperasi yang besar-besar kelak di negara ini, bukan sahaja koperasi-koperasi itu dapat menolong ahli-ahlinya dari segi pembangunan seperti pembangunan perdagangan, perindustrian, perumahan, pengangkutan dan sebagainya bahkan boleh memberi sumbangan mereka yang lebih efektif bagi memperkuatkan lagi kedudukan Bank Rakyat ini untuk menjayakan projek-projeknya pada masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka mehgulangi apa yang saya seringkali sebutkan iaitu negara kita sekarang ini masih lagi menghadapi inflasi dan ditambah pula dengan kemerosotan ekonomi akibat dari recession yang menimpa dunia. Hasil pendapatan negara berkurangan dengan turunnya harga bahan-bahan mentah di pasaran dunia. Dalam keadaan yang genting ini rakyat hendaklah menunjukkan sikap persefahaman terhadap kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan dan mereka hendaklah sedia berkorban sedikit dan mengelakkan daripada tindakan yang boleh menyulitkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Mereka hendaklah menunjukkan sikap mementingkan kecekapan dan daya pengeluaran yang lebih di samping berusaha berdikari dalam kehidupan mereka sehari-hari supaya dengan semangat demikian mereka bukan sahaja dapat menolong diri mereka sendiri bahkan menolong Kerajaan. Hanya dengan mempunyai sikap dan semangat demikian sahajalah kita dapat menggembelinkan tenaga untuk mengatasi sebarang masalah dan cabaran yang kita hadapi.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada saudara-saudara khasnya kepada Jemaah Pengarah yang telah berjaya mengendalikan Bank Rakyat ini hingga menjadi sebuah Bank yang maju dan progresif. Saya percaya dengan pimpinan yang cekap dan dinamis, Bank ini akan terus mencapai tingkatan kejayaan yang lebih cemerlang lagi di masa hadapan.

Dengan harapan inilah saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia yang Kesembilan Belas ini.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein tiba di Dewan Tunku Canselor Kuala Lumpur untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Bank Rakyat pada 6hb September, 1975